

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG
21 APRIL 2021
RABU



AKHBAR

TAJUK BERITA

M/S

UTUSAN MALAYSIA

SG KIM KIM TAK MAMPU DIPULIHKAN?

2



UTUSAN MALAYSIA

UTUSAN MALAYSIA
RABU • 21 APRIL 2021 13

Dalam Negeri

Sg. Kim Kim tak mampu dipulihkan?

Oleh KHAIROL MOHD. ALI
utusannews@mediaraja.com.my

JOHOR BAHRU: Pencemaran Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, di sini tidak mampu dipulihkan sekiranya tidak mendapat kerjasama daripada semua pihak. Khususnya masyarakat setempat yang menetap dan bekerja di kawasan berhampiran serta sektor perindustrian terlibat.

Malah kesukaran pemuliharaan sungai tersebut ditambah lagi dengan faktor tiada tempoh spesifik dapat ditetapkan bila pencemaran itu dapat kembali kepada keadaan normal memandangkan faktor penduduk dan pemain industri berkaitan di kawasan sekitar merupakan perkara terpenting.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor, Dr. Famey Yusoff berkata, ini kerana pencemaran di sungai berkenaan tidak hanya melibatkan sisa buangan industri, tetapi juga sisa kumbahan penduduk.

Mengukuti Sungai Kim Kim yang memang berada dalam kategori tercemar sebelum tragedi Mac 2019, beliau berkata, jika perkara itu dilakukan iaitu kerjasama semua pihak, ia sekali gus akan meningkatkan kualiti air di sungai berkenaan.

"Tidak mustahil untuk dilaksanakan, tetapi, perlu kerjasama semua terutamanya industri yang melepaskan efluen dan air kumbahan ke Sungai Kim Kim. Jika dapat memastikan jumlah beban yang masuk ke dalam



KAKITANGAN sebuah makmal bebas menggunakan peralatan khas. Van Dorn water sampler ketika mengambil sampel air Sungai Kim Kim baru-baru ini. — UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

sungai ini kurang daripada jumlah yang boleh ditampung oleh sungai, ia dapat bantu pulihkan keadaan dan status sungai," katanya di sini hari ini.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, keadaan Sungai Kim Kim dan anak sungainya iaitu Sungai Selangkah berada dalam keadaan tercemar ekoran parameter Keperluan Oksigen Biokimia (BOD) dan Ammonia as N mencatatkan bacaan tinggi.

Malah, hasil analisis yang dilakukan bersama sebuah makmal bebas terhadap sampel air kedua-dua sungai itu pada 5 Mac

lalu turut merekodkan bacaan *Escherichia coli* atau *E. coli* berkali-kali ganda di Sungai Kim Kim iaitu 410,000 CFU/100mL berbanding 400 CFU/100mL untuk sungai dalam kelas IB.

Mengulas keputusan analisis tersebut, Famey menjelaskan, hasil dapatan pencemaran sungai bergantung kepada lokasi sampel air diambil kerana lokasi berbeza akan membawa kepada keputusan yang berlainan dan situasi itu tidak terhad kepada Sungai Kim Kim sahaja.

Katanya, kandungan bacaan BOD dan Ammonia dipen-

garuhi beberapa faktor antaranya kawasan sampel yang diambil seperti di hulu atau hilir, aliran air sungai, faktor cuaca dan jenis sumber pencemaran seperti daripada kawasan perindustrian, perumahan, pasar dan air larian permukaan di sepanjang sungai tersebut.

"JAS Johor sentiasa membuat pemantauan berkala di Sungai Kim Kim dan melalui pemantauan pada tahun 2020 yang dibuat, tahap bacaan BOD dan Ammonia di hilir sungai berada pada Kelas IV dan V.

"Untuk makluman, JAS Jo-

hor menjalankan persampelan secara manual sebanyak enam kali setahun di dua lokasi berasingan di Sungai Kim Kim," katanya memaklumkan BOD dipengaruhi oleh bahan pencemar organik dan Ammonia biasanya datang daripada sisa kumbahan.

Sementara itu, bagi memastikan tahap kualiti pencemaran di Sungai Kim Kim sentiasa terkawal, Famey berkata, pihaknya mempunyai pendefinisan jangka masa pendek dan jangka masa panjang dalam berdepan perkara itu.

Kerajaan perlu bentang pelan pemuliharaan sungai

JOHOR BAHRU: Kerajaan negeri perlu membentangkan pelan pemuliharaan Sungai Kim Kim yang dibuat ketika bencana sungai itu berlaku dengan peruntukan yang telah diluluskan sebanyak RM500,000.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, aktivis alam sekitar, Rozita Abdul berkata, pembentangan pelan itu penting dan hasilnya perlu didedahkan bagi membentangkan kerajaan negeri serius menangani isu pencemaran sungai yang sekian lama tiada jalan penyelesaian.

Selain bentang pelan, katanya, rehabilitasi Sungai Kim Kim dan mengesan punca pencemarannya juga perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum fikir untuk

menghabiskan duit bangunan kawasan sekeliling.

"Punca pencemaran perlu dikenal pasti, apakah ia berpunca dari air sisa kilang atau pembuangan sisa dalam sungai secara haram? Ini harus ditangani dengan berkesan supaya proses pemuliharaan yang memakan belanja besar tidak disia-siakan pada masa akan datang.

"Tidak ada gunanya menghabiskan wang mengindahkan kawasan sekeliling termasuk tebing sungai sekiranya kualiti air yang menjadi masalah utama masih berada pada tahap sama," katanya.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan, keadaan Sungai Kim Kim dan anak sungainya



ROZITA ABDUL

iaitu Sungai Selangkah berada dalam keadaan tercemar ekoran parameter Keperluan Oksigen

Biokimia (BOD) dan Ammonia as N mencatatkan bacaan tinggi.

Malah, hasil analisis yang dilakukan bersama sebuah makmal bebas terhadap sampel air kedua-dua sungai itu pada 5 Mac lalu turut merekodkan bacaan *Escherichia coli* atau *E. coli* berkali-kali ganda di Sungai Kim Kim iaitu 410,000 CFU/100mL berbanding 400 CFU/100mL untuk sungai dalam kelas IB.

Menurut Rozita lagi, tidak ada cara lain yang perlu dilakukan bagi pemuliharaan sungai tersebut melainkan kerajaan perlu membuat kajian dan tinjauan turun padang serta melihat sendiri bagaimana hasil air sisa kilang diturunkan termasuk ke Sungai

Selangkah.

"Jika hanya fokus pada Sungai Kim Kim sahaja jelas menunjukkan kerajaan tidak cerna dan tidak faham tentang sungai. Saya setuju ia mengambil masa untuk pulih tetapi pada pandangan saya sekat terlebih dahulu punca pencemaran seperti pemuliharaan sisa kilang dan air licik dari kumbahan.

"Dari sudut tindakan dan perundangan, kalau lebih banyak agensi yang bertindak lebih baik kerana undang-undang tidak akan berfungsi tanpa ada penguatkuasaan dan pembabitian badan bukan kerajaan (NGO) juga boleh disertakan bersama bagi pemuliharaan sungai ini," katanya.

